

Program Akan Datang

Konferensi Bahasa Cina
Anglikan Sedunia
25-28 Mac
Kuching

Sekolah Pastor Muda-mudi
Diosis
[Cina/Inggeris]
01-13 April
Wisma Anglikan, KK

Pelancaran Komiti kebajikan
Diosis
13 April
Katedral All Saints, KK

Pentahbisan Para Deakon
13 April
Katedral All Saints, KK

Mesyuarat Ahli Jawatankuasa
Diosis ke-152
13-14 April
Wisma Anglikan, KK

Temuduga Vokesyen Diosis
17-18 April
Wisma Anglikan, KK

Sekolah Pastor BM Diosis
21-24 April
Pusat Lembah Berkat, Telupid

Konferensi Misi Diosis
[Cina/Inggeris]
28-30 Mei
Kota Kinabalu

Konferensi Misi Diosis (BM)
dan Ulangtahn Gereja
Pedalaman yang ke-50
28-31 Mei
Telupid



Minggu kebajikan Diosis
1 Jun

Sebab ini, kita yang dibenarkan karena iman, kita hidup dalam damai sejahtera dengan Allah oleh karena Tuhan kita, Yesus Kristus (Roma 5:1) Kita dimerdekan daripada hukum maat. Inilah sebabnya kita yang mengetahui kuasa kebangkitan tidak harus malu dengan Injil dan perlu mengklarifikannya dengan penuh iman dan yakin. Ini merupakan kuasa Tuhan untuk penyelamatan.

Sempena hari Paskah ini, saya menyeru semua anggota jemaah di seluruh Diosis untuk memberikan komitmen untuk menginjil kepada sekurang-kurangnya satu peribadi. Kita akan terus mengklarifikasikan berita baik kepada semua yang mendengar, terutamanya mereka yang dikasihi agar mereka tidak dimusnahkan kerana percaya kepada Yesus Kristus yang telah bangkit. Tuhan Yesus benar-benar telah bangkit. Haleluya!

BERITA

Konferensi "Wanita Unggun & Hebat", Penangah



Puan Sonia Duis dan Pastor Lily Chong telah mengetuai satu rombongan gabungan daripada Good Samaritan Penampang untuk melayani lebih daripada 400 orang peserta Konferensi WAH (Wanita Unggun & Hebat) pada 6hb-8hb Februari 2008 di Penangah. Ramai peserta yang datang dari MGD Penangah, MGD Telupid, MGD Tongod, MGD Nangoh dan MGD Kuala Sapi, telah disentuh oleh Tuhan melalui pelayanan khutbah, pelayanan doa dan juga pelayanan Kaunseling semasa lawatan perkongsian ini. Puji Tuhan!

St. Patrick's Sri Indah (Sekolah Anglikan), Tawau

Sekolah Anglikan St.Patrick's Sri Indah merupakan projek yang digerakkan oleh Tuhan dan menurut kepada masa-Nya. Misi kami ialah melahirkan pelajar yang berjaya melalui pendidikan yang berkualiti serta latihan pembentukan keperibadian. Ini tidak mengira bangsa dan membekalkan keperluan kepada para pelajar bermula dari Tahun 1 sehingga Tingkatan 5. Projek ini bukan bertujuan untuk menggantikan Sekolah Rendah St Patricks, sekolah menengah dan SPAA yang sedia ada. Lanya diuruskan secara berasingan di bawah hak milik Diosis Anglikan Sabah. Salah satu objektif kami ialah menyediakan pendidikan yang menggunakan kurikulum nasional, relevan dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menuju ke arah mencapai wawasan 2020. Kami mempunyai tujuan untuk menyediakan pelajar yang mempunyai peluang pekerjaan yang luas dan memastikan pembangunan pelajar secara holistik.

Struktur sekolah ini ialah menyediakan pengajaran yang berpusatkan kepada pelajar dan pembelajaran yang menggunakan ICT serta dwibahasa sebagai pengantara. Konsep utama adalah berdasarkan kepada intergrasi di antara pelbagai elemen akademik dan pembinaan keperibadian. Tujuan kami ialah untuk memperlembangi dan melahirkan ilmuan, budiman dan olahragawan.

Projek ini akan disiapkan dalam beberapa fasa dan diimplementasikan dalam bentuk yang moden dan persekitaran yang sesuai.



Taman Pendidikan Anglikan, Sandakan



Pelajar diberikan peluang untuk menghabiskan masa pembentutan diri mereka iaitu (dari tadika sehingga Tingkatan 6) dalam satu komuniti dan persekitaran yang dapat membangunkan iman mereka. Pembelajaran dapat disampaikan di samping kehidupan mereka mendapat bimbingan pada masa yang sama. Justeru, "la memerlukan satu taman untuk melatih pelajar."

Fasa pertama mengandungi tadika, sekolah rendah, bangunan serba guna dan beberapa kemudahan sukan yang asas. Kemudahan yang lain akan dibina dalam fasa yang seterusnya. Perbelanjaan Fasa 1 dianggarkan sebanyak RM 7 juta. Sekiranya anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang projek ini dan cara untuk melibatkan diri anda, sila hubungi Bisyp atau padri anda. Risalah yang memberikan penerangan lanjut boleh didapati di Gereja Good Shepherd (Tel:089-216081)

Dengan dorongan daripada Bisyp dan sokongan daripada badan pendidikan Diosis, gereja-gereja Anglikan di Sandakan memulakan usaha dalam Taman pendidikan Anglikan. Taman tersebut akan dibina di atas sebidang tanah seluas 28 ekar yang diprunutikan oleh kerajaan di Sibuga, Sandakan. Projek ini mengandungi tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan kolej junior. Asrama dan kemudahan sukan akan disediakan untuk menjadikan taman ini sebuah tempat yang dapat membina potensi yang dianggerahkan oleh Tuhan kepada pelajar.